

24/04/1998

Kerjasama perkukuh hubungan dua negara

MALAYSIA dan Thailand, sebagai negara rakan dalam Asean sudah sekian lama mengadakan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang ekonomi, perdagangan, teknikal, kerjasama pertanian, sosial, budaya dan sebagainya. Kerjasama sedia terjalin ini banyak memberi faedah kepada rakyat kedua-dua negara. Namun, apa yang lebih membanggakan, kedua-dua negara dapat menerokai satu lagi bidang kerjasama yang sebelum ini dianggap 'masalah yang sukar diselesaikan'.

Oleh itu, perjanjian jual beli gas di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) kelmarin, adalah satu kerjasama yang bersejarah dan unik. Ia membuktikan betapa sesuatu isu boleh diselesaikan jika ada iltizam untuk berbuat demikian. Kita tahu, isu pertikaian kawasan pertindihan wilayah begitu sensitif dalam konteks hubungan diplomatik dan hubungan antara negara. Bagi negara yang sedang bertikai, biasanya mereka tidak mahu mengalah terutamanya selepas mempunyai bukti sejarah dan berasaskan undang-undang, sesuatu kawasan itu adalah milik mereka. Mereka akan mempertahankan wilayah berkenaan meski pun terpaksa dirujuk ke mahkamah antarabangsa. Lagi lama sesuatu tuntutan tidak dapat diselesaikan, selagi itulah status kawasan berkenaan terus dipertikaikan. Selagi itu jugalah kawasan berkenaan tidak dapat diusahakan oleh mana-mana pihak yang bertikai. Rundingan demi rundingan terpaksa pula diadakan dari semasa ke semasa tetapi masih tidak mendatangkan hasil.

Perjanjian membabitkan Malaysia-Thailand itu ternyata membuktikan masalah pertikaian wilayah boleh diselesaikan menerusi satu rangka kerjasama ekonomi. Apa yang dilakukan oleh Malaysia dan Thailand ini menunjukkan betapa kedua-dua negara tidak mahu lagi isu pertindihan wilayah terus menerus menjadi pertikaian yang mencengkam yang ada kalanya boleh menggugat keselamatan. Adalah lebih baik kedua-dua negara melihat peluang yang boleh diterokai bersama, demi kepentingan rakyat kedua-dua negara. Melihat kepada keluasan MTJDA membabitkan 7,250 kilometer persegi, kita yakin ia boleh mengeluarkan hasil yang lumayan. Apalah gunanya kita melihat sesuatu kawasan yang dipertikaikan sebagai perluasan wilayah jika ia terus terbiar. Dengan pembabitan semua negara yang menuntut, mereka boleh menggunakan kawasan berkenaan untuk kepentingan bersama.

Setiap negara boleh mengarahkan sektor swasta masing-masing untuk menerokai potensi di kawasan yang dipertikaikan.

Kita mengucapkan syabas kepada Petronas, Pihak Berkuasa Petroleum Thailand (PTT) dan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia Thailand (MTJA) yang terbabit secara langsung dalam menentukan kejayaan projek di Teluk Siam itu. Perjanjian pertama ditandatangani antara MTJA dan kontraktor membabitkan Petronas Carigali (JDA) Sdn Bhd, Triton Oil Company of Thailand dan Triton Oil Company of Thailand (JDA) Limited, sebagai penjual bersama, manakala Petronas dan PTT sebagai pembeli. Bagi peringkat pertama, ia boleh secara maksimum mengeluarkan 10.9 juta meter padu gas sehari pada separuh penggal tahun 2001.

Perjanjian Kedua membabitkan MTJA dan kontrak, mengandungi Petronas Cari Gali (JDA) Sdn Bhd dan PTTEP International Limited sebagai penjual bersama manakala Petronas dan PTT sebagai pembeli bersama. Bagi fasa pertama, pengeluaran gas ialah tujuh juta meter padu sehari bagi suku penggal ketiga 2002.

Pada kita projek ini begitu penting kerana ia disaksikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya,

Chuan Leekpai. Ini menunjukkan perjanjian itu dilaksanakan berdasarkan iltizam kedua-dua negara untuk memakmurkan dua negara jiran itu. Kita berharap projek itu akan disusuli dengan projek berfaedah di beberapa kawasan pertindihan wilayah di rantau ini. Bagi negara-negara yang turut terbabit dalam beberapa pertikaian wilayah yang masih belum diselesaikan, kita berharap mereka melihat kerjasama Malaysia-Thailand ini sebagai satu perkembangan yang positif. Daripada kawasan berkenaan menjadi rebutan yang tidak mendatangkan hasil, adalah lebih baik ia digunakan sebaik mungkin untuk mendapatkan hasil. Kita percaya setiap wilayah yang dipertikaikan, mempunyai potensi ekonominya tersendiri. Selepas ini kita harap ada daya usaha diambil oleh negara tertentu untuk menjadikan perkara ini sebagai kenyataan.

Sekiranya semua kawasan yang dipertikaikan dapat ditukar kepada kawasan ekonomi, kita bukan saja dapat membuktikan kerjasama yang lebih utuh, malah membuktikan kepada dunia semangat untuk membangunkan bersama rantau ini adalah usaha yang tidak pernah mengenal erti permusuhan.

(END)